

Azam Robia berkhidmat sebaik mungkin

01/11.13.99 32

JOHOR BAHRU 10 Dis. — Ahli Parlimen Muar, Dr. Robia Kosai, yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen-Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi, hari ini menyifatkan pelantikan itu sebagai satu peluang kepada barisan muka baru untuk menyumbangkan khidmat kepada negara.

Menurutnya, ia sekali gus menunjukkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberikan sepenuh kepercayaan kepada muka baru untuk berkhidmat bersama-sama dengan muka lama di dalam kabinetnya.

Katanya, beliau tidak menyangka sama sekali akan dipilih menjawat jawatan itu dan hanya mengetahui tentang pelantikan itu melalui pengumuman Perdana Menteri di televisyen di kediaman keluarganya di Muar.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya memegang jawatan itu. Insya-Allah saya akan menjalankan tugas dengan sebaik mungkin," ujarnya yang merupakan doktor lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Menurut Dr. Robia, beliau tetap akan meneruskan rancangan mengadakan khidmat klinik bergerak di kawasan Parlimen Muar secara bergilir-gilir dari satu kawasan ke satu kawasan pada setiap cuti hujung minggu.

"Saya akan memulakan khidmat klinik bergerak di kawasan saya ini selepas Hari Raya nanti," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Ledang, Hashim Ismail, 54, yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen-Kementerian Kewangan berkata, kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan tidak akan dipersia-siakan dan berazam untuk berkhidmat sebaik mungkin demi bangsa, agama dan negara.

"Saya terperanjat apabila nama saya diumumkan untuk memegang jawatan tersebut kerana selama ini tidak terfikir langsung untuk menyertai kabinet," katanya yang pernah menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Johor (Exco).

Bagi Ahli Parlimen Johor Bahru, Mohamed Khaled Nordin pula menyifatkan pelantikannya sebagai Timbalan Menteri Kerja Raya merupakan satu kejayaan bagi Barisan Nasional (BN) negeri.

Beliau yang bersyukur dengan pelantikan itu amat berterima kasih dengan keyakinan serta kepercayaan yang diberikan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad terhadapnya bagi menjawat portfolio itu.

"Saya juga amat berterima kasih kepada pengundi-pengundi BN di Johor Bahru yang telah memilih dan meletakkan saya di tempat seperti sekarang," ujarnya ketika dihubungi di sini hari ini.

Khaled yang merupakan seorang peguam berjanji akan menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya dengan sedaya upaya.